

# Poligami Menurut Islam

► Firdaus Mul

Selain diciptakan sebagai sebaik-baik makhluk, manusia juga diciptakan berpasangan. Dalam *Surah Yasin* ayat 36, Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Maha Suci Tuhan yang telah menciptakan pasangan semuanya, baik daripada apa-apa yang ditumbuhkan oleh bumi dan daripada diri mereka mahupun daripada apa-apa yang mereka tidak ketahui.”

Hal ini dilihat sesuai dengan tuntutan fitrah kehidupan manusia yang dijadikan berpasangan untuk saling melengkapi antara satu sama lain. Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Dia (Allah) menciptakan kamu daripada diri yang satu (Adam), kemudian Dia menjadikan daripadanya isterinya (Hawa).” (*Surah al-Zumar* 39:6). Tanpa wanita, pasti dunia seseorang lelaki sunyi dan sepi. Begitu juga dengan seorang wanita; tanpa lelaki di dunia ini, sudah pasti tidak adalah yang akan memimpin kaum wanita.

## Mengetahui asas dalam perkahwinan

Naluri cinta dan kasih sayang yang wujud dalam hati manusia merupakan fitrah mereka

diciptakan. Oleh sebab itulah, agama Islam mengajar umatnya tentang konsep pernikahan (perkahwinan), iaitu satu ikatan yang terbentuk melalui ijab dan kabul dengan memenuhi lunas syarak yang telah ditetapkan. Sesebuah rumah tangga yang dibina sudah tentu mempunyai matlamat, bahkan secara tidak langsung jalinan ikatan suci ini berupaya untuk menjadikan pasangan suami isteri berusaha meningkatkan ketakwaannya kepada Allah SWT.

Rasullullah SAW bersabda yang bermaksud, “Tiga golongan yang Allah SWT menetapkan atas diri-Nya untuk membantu mereka; iaitu orang yang berjihad pada jalan Allah, hamba yang *mukatab* yang ingin membayar harga tebusannya dan orang yang berkahwin

dengan sebab mahu menjaga kehormatan dirinya.” (Hadis riwayat al-Tirmidzi, no. 1655 dan al-Nasa’i, no. 3218). Dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Apabila seorang hamba itu berkahwin, maka sesungguhnya dia telah berusaha menyempurnakan sebahagian daripada agamanya, oleh itu hendaklah dia bertakwa kepada Allah pada sebahagian yang berbaki.” (Hadis riwayat al-Baihaqi, no. 5486). Hadis ini jelas menunjukkan bahawa ikatan perkahwinan bukan sahaja mendapat ganjaran kebaikan di sisi Allah SWT, malah turut menyempurnakan iman seseorang.

Berbicara tentang perkahwinan menurut perspektif Islam, setiap pasangan suami isteri dituntut untuk memahami pengetahuan asas tentang perkahwinan seperti talak, fasakh, nusyuz dan nafkah, bahkan konsep berkaitan dengan poligami juga perlu difahami dengan jelas. Kegagalan memahami konsep tersebut pada fasa pertama perkahwinan boleh menyebabkan berlaku kekeliruan lebih-lebih lagi apabila berhadapan dengan konflik rumah tangga. Oleh sebab itulah, asas kehidupan manusia dituntut untuk menimba ilmu, agar setiap kemelut yang dihadapi dan dilalui menemui jalan penyelesaian, bukan jalan kebuntuan yang penuh kesesatan. Hal ini secara tidak langsung akan menyumbang kepada perpecahan rumah tangga yang cenderung berakhir dengan perceraian.

### Konsep poligami

Baru-baru ini, tercetus polemik poligami dalam kalangan masyarakat yang menjadi tular terutamanya di media sosial. Hal ini secara tidak langsung mengundang peperangan persepsi yang tidak sihat dalam kalangan gender. Kesannya, ada golongan yang mendukung poligami dan ada juga yang menentangnya. Kemudian, wujud pertimbangan yang saling menghukum antara gender

**Berhasrat untuk berpoligami bererti seseorang lelaki itu telah bersedia dari segala aspek – mental dan fizikal, rohani dan jasmani, malah mereka seharusnya bersedia dan berlapang dada dengan keputusan isteri kerana kebanyakan kes poligami yang berlaku pada akhirnya menyebabkan isteri terbeban dengan tekanan dan perasaan.**

lelaki dengan gender wanita, sehingga tanpa sedar berlaku salah tafsir antara poligami yang dibenarkan syarak dengan poligami yang acap kali berlaku dan membelenggu masyarakat.

Jika dilihat dari sudut istilah, poligami secara konseptualnya merujuk tindakan seorang lelaki berkahwin lebih daripada seorang isteri. Menurut hukum, seseorang lelaki dibenarkan bernikah lebih daripada seorang isteri, atau tidak lebih daripada empat orang isteri dalam satu masa. Poligami juga dikenali sebagai poligini. Dalam sejarah kajian bidang antropologi, tindakan poligini atau poligami merupakan keperluan masyarakat terdahulu bagi mengukuhkan kedudukannya dalam status politik, ekonomi dan sosial. Pada ketika itu juga, perkahwinan poligini tidak

berlandaskan kasih sayang, melainkan untuk memenuhi tuntutan kedudukan semasa, atau dalam bahasa mudahnya boleh diterjemahkan bahawa semakin banyak isteri seseorang lelaki, maka semakin tinggi kedudukannya dalam hierarki politik, ekonomi dan sosial.

Hal ini berbeza berbanding dengan panduan berkenaan poligami yang dinyatakan melalui firman Allah SWT dalam *Surah al-Nisa'* ayat 3 yang

bermaksud, “Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan daripada perempuan-perempuan (lain) – dua, tiga atau empat. Kemudian, jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (antara isteri-isteri kamu), maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.”

### Apakah kriteria untuk berpoligami?

Bertitik tolak daripada seruan ayat 3 *Surah al-Nisa'*, maka terdapat kriteria khas yang telah ditetapkan oleh syarak sebelum

## Mutiana Hikmah

“Taatilah Allah atas apa-apa yang diperintahkan kepadamu berkenaan dengan pernikahan, nescaya Dia akan melaksanakan apa-apa yang telah dijanjikan untuk kamu daripada kecukupan.”

—  
Sayidina Abu Bakran al-Siddiq

seseorang lelaki mengambil tindakan untuk berpoligami. Perintah ini juga secara tidak langsung membuktikan bahawa agama Islam memelihara martabat kaum lelaki dan wanita agar tidak lagi mengikut jejak masyarakat jahiliah yang berpoligami demi kepentingan status dan kedudukan semata-mata.

Menurut Umar Mukhtar Mohd Noor dalam artikelnya yang bertajuk “Hukum Isteri Melarang Suami Berkahwin Lain”, maksud keadilan yang dijadikan kriteria dalam *Surah al-Nisa'* ayat 3 ialah tanggungjawab ke atas lelaki untuk berlaku adil dan bertindak sama rata dalam hal pemberian nafkah, tempat tinggal, kehidupan bersama yang berkualiti dan menunaikan hak isteri. Turut dijelaskan bahawa jika dilihat dari sudut fiqah, poligami pada hukum asalnya ialah harus. Namun begitu, hukumnya boleh berubah dalam beberapa hal yang mendatang, iaitu sama ada disunatkan, dimakruhkan mahupun diharamkan jika dirujuk dalam *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafii*, 4/25-26.

Hal ini bermaksud, lelaki yang berkeinginan untuk berpoligami atau isteri yang bercita-cita untuk membenarkan suami

bernikah dengan wanita lain seharusnya mematuhi dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan agar tidak wujud sebarang kemudaratan pada hari kemudian. Namun begitu, pada hari ini, kebanyakan kes yang berlaku bertentangan dengan hal yang telah ditetapkan oleh syarak. Dek kekurangan pengetahuan tentang asas berpoligami, akhirnya kemahuan diri lebih diutamakan berbanding dengan panduan yang telah ditetapkan sehingga mengundang pelbagai konflik.

Sebilangan daripada golongan lelaki menekuni kebolehan berpoligami, tanpa memikirkan dan membuat pertimbangan terhadap kesan yang mendatang, sehingga pada akhirnya tindakan poligami memberikan kesan yang panjang terhadap kehidupan isteri (pertama) dan anak-anak. Oleh sebab itu, pada fasa pertama, pasangan yang bakal mendirikan ikatan rumah tangga seharusnya bersedia dari segi teori dan praktikal (ilmu dan kaedah). Hal ini bukanlah untuk memenangkan kaum isteri yang dimadukan, tetapi cuba untuk mengajak masyarakat berfikir, mengapakah hingga hari ini poligami masih menjadi sesuatu perkara yang pada

awalnya dinyatakan sebagai satu bentuk kebaikan, kini mula disalahertikan dan menjadi trauma kepada golongan wanita di negara ini?

### Poligami bukan perkara remeh

Kes poligami di negara ini bukanlah suatu perkara biasa dan boleh dipandang ringan. Buktinya, wujud kes sindiket poligami (kahwin secara sembunyi di luar negara) yang dilaporkan. Dalam artikel yang bertajuk “Keganasan Rumah Tangga, Poligami antara Punca Utama Kes Cerai Tinggi” yang ditulis oleh Hafizi Rosli, dinyatakan bahawa kemunculan poligami secara rahsia menjadi punca perceraian dan punca baharu pada tahun 2020. Hal ini dikatakan demikian kerana para isteri baru mengetahui suami berkahwin tanpa restu dan disembunyikan di luar pengetahuan mereka selama bertahun-tahun.

Sementara itu, menurut Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd Zawawi Ahmad Mughni, sebanyak 322 pendaftaran kes pengesahan nikah poligami yang tidak mengikut undang-undang difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor pada tahun 2022. Perkara tersebut bukan sekadar memberikan kesan terhadap isteri pertama, tetapi isteri kedua atau isteri baharu yang dinikahi melalui sindiket ini juga turut merasai tempiasnya kerana sebarang perkahwinan poligami yang tidak mendapat perintah mahkamah tidak boleh didaftarkan. Hal sedemikian akan menjejaskan status perkahwinan, yakni

untuk mendapatkan sijil nikah (pendaftaran perkahwinan) dan masa depan anak-anak hasil daripada perkahwinan tersebut. Anak-anak yang lahir daripada perkahwinan yang tidak berdaftar secara perundangan mustahil untuk mendapat status warganegara atau tidak boleh didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara untuk urusan sijil lahir dan kad pengenalan.

Sudah tiba masanya polemik poligami menjadi renungan dan iktibar buat seluruh masyarakat, baik di sisi pasangan yang telah mendirikan rumah tangga, mahupun mereka yang bakal membentuk ikatan perkahwinan, lebih-lebih lagi golongan lelaki yang bakal mengemudi bahtera perkahwinan. Poligami merupakan satu tindakan kebaikan, oleh sebab itu, poligami diharuskan. Namun begitu, pada masa yang sama, jangan diabaikan bahawa hukumnya boleh menjadi sunat, makruh dan haram sebagaimana yang telah dinyatakan. Kunci utama ialah penguasaan ilmu, agar bahtera perkahwinan dikemudikan dengan akal dan penyelesaian.

Jika seseorang suami berhasrat untuk berpoligami, dan mendapati mereka layak dan bersedia memikul segala amanah dan tanggungjawab,


sebaik-baiknya berbincang dan berundinglah terlebih dahulu dengan isteri. Akan tetapi, jika gagal mendapat persetujuan daripada isteri, carilah penyelesaian yang terbaik. Jangan cenderung untuk mengulangi hal yang pernah berlaku sebelum ini dalam kalangan masyarakat, sehingga menjadikan wanita lain trauma dengan poligami. Berhasrat untuk berpoligami bererti seseorang lelaki itu telah bersedia dari segala aspek – mental dan fizikal, rohani dan jasmani, malah mereka seharusnya bersedia dan berlapang dada dengan keputusan isteri kerana kebanyakan kes poligami yang berlaku pada akhirnya menyebabkan isteri terbeban dengan tekanan dan perasaan. Hal ini secara tidak langsung akan memberikan tempias kepada kasih sayang dan perhatian mereka terhadap anak-anak.

Jika pasangan memberikan keizinan, maka poligami perlu dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada, agar tidak wujud sebarang masalah pada kemudian hari. Hatta, pastikanlah tindakan berpoligami yang telah diizinkan oleh pasangan dilaksanakan dengan penuh kesungguhan dan

tanggungjawab. Sesuatu yang telah ditetapkan dan diajarkan oleh agama merupakan kebaikan untuk seluruh manusia, bukan sesuatu yang memudaratkan. Jika poligami terus dilihat menggunakan pandangan lalat, pasti manusia hanya akan menemui kekotorannya. Akan tetapi, jika ditekuni dengan pandangan lebah, pasti manusia akan menjumpai rasa manisnya.

Perkara penting yang perlu diingat dan diberikan perhatian oleh setiap pasangan yang berkahwin ialah konflik yang berlaku dalam rumah tangga seharusnya diselesaikan secara dalaman, tanpa diketahui umum. Memuat naik ciapan atau menularkannya di media sosial bukanlah tindakan yang matang. Jika niat untuk memberikan pengajaran kepada masyarakat berkenaan dengan isu rumah tangga yang dihadapi, ketahuilah bahawa matlamat tidak pernah menghalalkan cara. Lebih-lebih lagi hubungan pasangan suami isteri merupakan aib yang boleh mengundang pelbagai fitnah dan prasangka, maka seharusnya ditangani dengan baik tanpa mengundang perbalahan melalui penilaian masyarakat umum.

Berkaitan dengan soal ini juga, masyarakat umum seharusnya memainkan peranan yang baik, bukan menjadi penyumbang untuk mengeruhkan lagi keadaan. Kita boleh membaca, melihat dan mendengar. Namun begitu, bukan tugas kita menilai dan menghukum, terutama dalam isu rumah tangga yang selalu dihangatkan di media sosial, sedangkan kita tidak mengetahui kisah sebenar yang berlaku dalam urusan pasangan tersebut. 🌟



Seseorang lelaki yang ingin berpoligami sebaiknya berbincang terlebih dahulu dengan isteri.